

## UiTM anjur Fiesta Ragbi 7 Sebelah

METRO 1/8/06 (1546)

**U**NIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) akan menganjurkan Fiesta Sukan Ragbi 7 sebelah Antarabangsa UiTM bertempat di Stadium UiTM, Shah Alam pada 17 hingga 20 Ogos ini sempena ulang tahun ke-50 penubuhan universiti itu.

Kejohanan membabitkan empat kategori antaranya Institut Pengajian Tinggi (IPT) Antarabangsa, IPT/Kolej/Institut Tempatan, Sekolah bawah 16 tahun dan ragbi sentuh atau 'touch footies' khusus bagi golongan wanita.

Sebanyak 32 pasukan dijangka mengambil bahagian dalam acara utama kategori lelaki saingan kompetitif yang pertama kali dianjurkan stadium bola sepak UiTM ini. Yuran penyertaan sebanyak USD1000 (RM3600) bagi kategori IPT Antarabangsa, manakala IPT/Kolej/Institut Tempatan (RM200).

Sementara, kategori sekolah (RM100-tanpa penginapan dan RM250-dengan penginapan), manakala ragbi sentuh (RM100).

Kejohanan yang julung kali diadakan ini ditaja oleh adidas, Intekna Resort Shah Alam, Canterbury, Pacific Sports dan Pyramid Mega Lanes.